

02/03/1997

Pencarum KWSP patut berpuas hati

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) harus menerima dan berpuas hati dengan dividen 7.7 peratus bagi tahun lalu, kerana kadar itu lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kenaikan hanya 0.2 peratus berbanding dividen 7.5 peratus bagi 1995, ia tetap sesuatu yang dianggap baik dan mencukupi.

"Cukuplah banyak itu. Awak pergi periksa dengan negara lain, mereka beri banyak mana.

"Semua harus menerimanya. Masa dulu pencarum diberi dua peratus saja berbanding sekarang. Apa nak kompelin lagi," katanya ketika mengulas pengumuman KWSP memberi dividen sebanyak 7.7 peratus.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Hari Raya Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star, di sini semalam.

Turut hadir Presiden persatuan itu, Tan Sri Tajuddin Ramli, yang juga Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS).

Ini adalah kali kedua KWSP membayar dividen kurang daripada lapan peratus untuk caruman ahlinya dalam tempoh 16 tahun lalu. Tahun lalu, KWSP mengumumkan dividen 7.5 peratus.

Sejak 1980 hingga 1983, KWSP membayar dividen lapan peratus, 1984 hingga 1987 (8.5 peratus) dan 1988 hingga 1994 (lapan peratus).

Mengenai wang contoh denominasi RM500 bernilai RM100,000 yang dikhuatiri hilang sewaktu dihantar ke Bank Negara daripada pencetaknya di England melalui sebuah syarikat kurier tempatan, Dr Mahathir berkata, terserah kepada Bank Negara untuk menyiasatnya.

Perdana Menteri berkata, walaupun Bank Negara sudah mengambil langkah keselamatan bagi mengelak kejadian seumpama itu, masalah berkenaan masih berlaku lagi.

Ditanya adakah sistem keselamatan Bank Negara perlu dirombak semula, Dr Mahathir berkata, rombak itu sudah dibuat sebelum ini.

Bungkusan itu dikhuatiri hilang berikutan sekeping wang berkenaan dikesan di sebuah bank perdagangan di Sungai Buloh awal pagi minggu ini, apabila seorang yang tidak dikenali cuba menukarnya kepada wang tunai denominasi lebih kecil.

Cubaan menggunakan wang yang sepatutnya mempunyai tanda 'contoh' di kedua-dua belah itu dikesan pengurus cawangan bank itu, selepas beliau mencurigai nombor siri yang tercatat pada wang berkenaan.

Pengurus bank terbabit menghubungi Bank Negara dan pemeriksaan awal mendapati nombor siri pada wang berkenaan tidak wujud.

Sementara itu, Bank Negara menasihatkan orang ramai berhati-hati ketika mengurus niaga membabitkan wang tunai not RM500 berikutan kes kehilangan wang contoh denominasi yang dihantar pencetaknya dari England ke Malaysia, baru-baru ini.

Dalam kenyataan Bank Negara semalam, orang ramai diingatkan supaya lebih berhati-hati apabila atau individu yang mahu menukar wang lebih kecil dengan not RM500.

Jurucakap Bank Negara berkata, Unit Khas Siasatan Bank bekerjasama dengan polis menyiasat kejadian itu.

Katanya, not RM500 itu bukanlah reka bentuk terbaru, tetapi contoh not RM500 yang sedia ada dan mempunyai nombor siri yang sama iaitu ZW0000000

dengan perkataan `Contoh' yang dicetak di kedua-dua belah muka not.

"Orang awam yang menjumpai not contoh itu perlu merujuk kepada pihak polis atau cawangan Bank Negara terdekat," katanya.

(END)